



Proton Persona 1.6L

UNIT RUJUKAN
DITETAPKAN
03 FEB 2017
U.R.D
M.B.P.J



Proton Saga 1.3L

Persona, Saga kini di Brunei

➔ Pasaran luar negara pertama edar dua model terbaru kenderaan selepas Iriz

Oleh Che Wan Badrul Alias
chewan@bh.com.my

PROTON Holdings Bhd (PROTON) menerusi pengedar utamanya di Brunei, PAD Motors Sdn Bhd (PAD), memperkenalkan Proton Persona 1.6L serba baharu dan Proton Saga 1.3L generasi ketiga secara rasmi di negara itu, Jumaat lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif PROTON, Datuk Ahmad Fuaad Kenali, berkata pelancaran ber-

pengguna Brunei pada 1 Oktober 2016.

"Di Brunei, Persona serba baharu menawarkan varian 1.6L Executive CVT, manakala Saga baharu didatangkan dalam dua varian, 1.3L - Executive CVT dan Premium CVT. Kedua-dua varian boleh didapati dalam enam warna menarik.

"Persona serba baharu dievolusikan secara ketara dari segi ciri, teknologi hebat, reka bentuk dan binaannya, termasuk pemanduan dan pengendalian yang lebih baik

dan pasif, yang masing-masing menerima penarafan lima dan empat bintang oleh ASEAN NCAP," katanya dalam kenyataan di Kuala Lumpur, semalam.

Majlis itu pelancaran yang berlangsung di Pusat Beli-Belah Times Square, Bandar Seri Begawan, disempurnakan Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Brunei Darussalam, Rafedah Abdul Aziz.

Yang turut hadir, Pengarah Transformasi dan Ketua Jualan Antarabangsa, PROTON, Mohd



Persona serba baharu menawarkan varian 1.6L Executive CVT, manakala Saga baharu didatangkan dalam dua varian, 1.3L - Executive

kenaan sekali gus menyaksikan Brunei menjadi pasaran luar negara pertama yang mempunyai kehadiran kedua-dua model itu selepas dilancarkan di Malaysia pada Ogos dan September tahun lalu.

Katanya, ia adalah kelangsungan langkah PROTON selepas Proton Iriz diperkenalkan di pasaran

serta pengurangan dari segi getaran, bunyi dan kekasaran (NVH).

Direka dengan baik

“Kedua-dua Persona dan Saga direka dengan baik serta memberi nilai yang berbaloi untuk dimiliki, selamat dan dilengkapi ciri praktikal selain ciri keselamatan aktif

Khalid Yusof serta Pengarah Pengangkutan Darat Brunei, Dr Supry Ladi.

Persona serba baharu dan Saga baharu kini dibuka untuk pandu uji serta tempahan di semua cawangan PROTON di Brunei yang dikenaldikan pengedar tunggal PROTON, PAD Motors.

CVT dan Premium CVT”

Ahmad Fuaad Kenali,
Ketua Pegawai Eksekutif
PROTON